

## PENENTUAN PERKHIDMATAN

### PERKHIDMATAN MENGECHAT KENDERAAN MAJLIS MENGIKUT WARNA KORPORAT TERMASUK KERJA-KERJA MEMBAIKI SERTA MEMBAIKPULIH BADAN KENDERAAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

#### SKOP KERJA

#### 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Perkhidmatan mengecat kenderaan Majlis mengikut warna korporat termasuk kerja-kerja membaiki serta membaikpulih badan kenderaan sebanyak **enam belas (16) unit** yang merangkumi pelbagai jenis kenderaan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.
- 1.2 Perkhidmatan mengecat kenderaan Majlis mengikut warna korporat termasuk kerja-kerja membaiki serta membaikpulih badan kenderaan yang tidak mengikut spesifikasi, Pengawai Penguin berhak menolak dan perlu dibuat semula sepertimana yang dinyatakan di dalam spesifikasi.
- 1.3 Harga yang dikemukakan oleh petender ialah harga keseluruhan kontrak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

#### 2.0 BIDANG KERJA-KERJA PERKHIDMATAN

- 2.1 Perkhidmatan mengecat kenderaan Majlis mengikut warna korporat termasuk kerja-kerja membaiki serta membaikpulih badan kenderaan mestilah mengikut spesifikasi dan arahan kerja yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
- 2.2 Pihak petender diberi tempoh selama **lima (5) bulan**, bagi perkhidmatan mengecat kenderaan Majlis mengikut warna korporat termasuk kerja-kerja membaiki serta membaikpulih badan kenderaan termasuk mengambil dan menghantar kenderaan di lokasi yang telah ditetapkan. Sekiranya GAGAL berbuat demikian, Pegawai Penguin akan mengeluarkan surat amaran dan pemotongan terhadap kelewatan tersebut.
- 2.3 Pemeriksaan fizikal dan lain-lain yang berkaitan keadaan semasa / sedia ada kenderaan akan dibuat dan direkodkan terlebih dahulu oleh pihak Majlis dan pihak Petender sebelum perkhidmatan mengecat dilaksanakan.
- 2.4 Pemeriksaan fizikal perkhidmatan yang telah siap atau selesai akan dibuat semasa penyerahan bagi tujuan semakan akhir spesifikasi dan tujuan pengesahan pembayaran terhadap arahan kerja yang telah dikeluarkan.
- 2.5 Pihak petender hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya **tiga (3)** contoh rekabentuk skema warna kenderaan bagi kenderaan yang terlibat dengan wajib menggunakan warna-warna korporat MBSJ yang telah ditetapkan sebelum kerja-kerja dilaksanakan.

- 2.6 Pihak petender hendaklah mengemukakan Jadual Perlaksanaan Kerja dan menyediakan **dua (2)** salinan Laporan Kemajuan Kerja beserta gambar berwarna (bertarikh) untuk kerja-kerja perkhidmatan mengecat kenderaan Majlis mengikut warna korporat termasuk kerja-kerja membaiki serta membaikpulih badan kenderaan yang dijalankan kepada Pegawai Pengguna bagi tujuan pembayaran.
- 2.7 Pihak petender perlu bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan / kecacatan yang berlaku ke atas bahagian-bahagian badan / aksesori kenderaan yang berpunca daripada mutu / hasil kerja di sepanjang tempoh pelaksanaan kerja mengecat dijalankan.
- 2.8 Tempoh Jaminan (*warranty*) Perkhidmatan Mengelat Kenderaan adalah selama **12 bulan** bermula selepas tarikh pengesahan siap kerja.

## 3.0 LOKASI PENGHANTARAN

- 3.1 Pihak petender dikehendaki untuk melaksanakan pengambilan dan penghantaran kenderaan di **Bengkel Kejuruteraan, MBSJ, Jalan TP 2, Taman Perindustrian Sime UEP, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.**

## 4.0 TANGGUNGJAWAB PETENDER

Petender perlu mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memenuhi keperluan berikut:

### 5.1 TEMPOH PERKHIDMATAN

- a) Tempoh perkhidmatan adalah selama **lima (5) bulan**.
- b) Walaubagaimana pun, Pegawai Pengguna berhak untuk menamatkan perkhidmatan ini lebih awal dari tempoh yang sepatutnya sekiranya prestasi petender tidak mencapai pada tahap yang memuaskan.

### 5.2 MASA PERKHIDMATAN

- a) Masa pengambilan dan penghantaran kenderaan adalah pada **setiap hari bekerja (Isnin hingga Jumaat)** antara **jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang**.